

19 APR 2002

Najib-Palestin

PBB PERLU PUTUSKAN PASUKAN PENGAMAN KE PALESTIN

PEKAN, 19 April (Bernama) -- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) perlu membuat keputusan segera supaya pasukan pengaman ditempatkan di Palestin, terutamanya di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata selagi PBB tidak campurtangan dalam menghentikan pertempuran antara warga Palestin dengan tentera Israel, maka perdamaian tidak akan dapat dicapai antara kedua-dua belah pihak yang bertelingkah itu.

"Oleh itu, PBB perlu mengusulkan sebuah pasukan pengaman ke Palestin sebagai langkah menjamin keselamatan dan kedamaian di kawasan terbabit," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Kecemerlangan Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah di sini, petang semalam.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sedia menghantar tenteranya ke Palestin sekiranya PBB memutuskan untuk menghantar pasukan tentera pengaman bagi menghentikan pertempuran antara warga Palestin dengan tentera Israel.

Najib berkata Malaysia yang sememangnya sudah lama bersedia untuk menghantar pasukan tenteranya ke Palestin berharap perkara itu menjadi kenyataan seberapa segera memandangkan terlalu ramai golongan yang tidak berdosa menjadi mangsa dan dizalimi.

Sekiranya perkara itu menjadi ketetapan PBB maka satu batalion yang dianggotai kira-kira 1,500 orang dari pelbagai unit akan dihantar sebagai tentera pengaman.

"Itulah kekuatan yang kita hantar ke Bosnia dan saya kira kekuatan yang sama juga mungkin sesuai untuk penugasan di kawasan bumi Palestin," kata beliau lagi.

Beberapa penerbangan bagi membawa pasukan tentera Malaysia ke sana perlu diatur menggunakan pesawat Charlie Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) atau kapalterbang yang disewa khas daripada PBB, kata beliau lagi.

Semasa ditanya mengenai imbuhan kepada anggota-anggota tentera yang berkhidmat semasa darurat, beliau berkata Kementerian Pertahanan sedang mengkaji implikasi pemberian imbuhan itu memandangkan bekas anggota tentera terbahagi kepada beberapa kategori.

Sebagai contoh, katanya, ada bekas tentera yang berkhidmat pada zaman British dan sekarang menerima pencen selain daripada golongan yang kini bergiat dalam Askar Wataniah.

-- BERNAMA

ROS PR